



# SIARAN MEDIA

## KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

KBS.100-2/1/10 JLD 3 (80)

### MAJLIS PERUNDINGAN BELIA NEGARA MEDAN TERBAIK MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA

---

1. **YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan** telah hadir mempengerusikan **Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN)** bagi **Sidang I, Penggal 34, Sesi 2023 – 2024** bertempat di **Pusat Belia Antarabangsa (IYC), Cheras, Kuala Lumpur** pada **23 November 2023**.
2. Majlis turut dihadiri oleh **YB Adam Adli Abd Halim, Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Tuan Mohd Azhari Mohammad, Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN)** dan saudara **Mohd Izzat Afifi Abd Hamid, Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM)** serta **EXCO/ wakil Kerajaan Negeri**.
3. MPBN, yang diperuntukkan di bawah **Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668)**, merupakan **sesi libat urus dan persidangan intelektual** yang menghubungkan pemimpin pertubuhan belia negeri dan kebangsaan dengan wakil-wakil Kementerian dan Agensi Persekutuan.
4. Antara tujuan penganjuran MPBN adalah untuk:
  - 4.1 menyediakan platform bagi mengadakan perbincangan secara **konstruktif dan inklusif** melibatkan pembangunan belia;
  - 4.2 mengangkat **suara dan pandangan golongan belia** ke peringkat tertinggi Kerajaan;
  - 4.3 memperkasakan **pembangunan belia daripada kepelbagaian perspektif** seterusnya memberikan impak kepada negara; dan
  - 4.4 melahirkan belia **dengan jati diri yang unggul** selaras dengan pendekatan **Malaysia MADANI** dan **Model Pembangunan Belia MADANI 2030 (MPBM 2030)**.

5. **Lima (5) usul pembangunan belia** telah dibahaskan oleh perwakilan sepanjang berlangsungnya persidangan. Senarai penuh usul di **LAMPIRAN A.**
6. Pelaksanaan MPBN ini menzahirkan hasrat Kerajaan supaya platform diberikan kepada golongan belia untuk menyuarakan pandangan mengenai isu dan cabaran yang sedang dihadapi seterusnya dapat dibincang dengan pendekatan *whole of government and society approach*. Usaha ini dapat menjadikan suara belia sebagai satu input penting dalam memangkinkan pembangunan negara dan masyarakat secara holistik selari dengan matlamat MPBM 2030.
7. Persidangan kali ini turut mengumumkan keputusan Jemaah Menteri yang meluluskan pemberian bantuan pentadbiran sebanyak RM5 juta setiap tahun bermula tahun ini kepada MBM dan badan gabungan tertakluk kepada Akta 668 bagi mengukuhkan tadbir urus dan pengoperasian pertubuhan belia. Sokongan ini akan membantu MBM dan badan gabungan untuk lebih aktif dalam melaksanakan program-program belia.
8. Kerajaan juga telah menetapkan tarikh kuat kuasa bagi Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019 [Akta A1602] **pada 1 Januari 2026**. Pindaan ini antara lainnya melibatkan penurunan had umur belia kepada 30 tahun, penetapan had umur ketua/ pemegang jawatan pertubuhan belia iaitu 18 hingga 30 dan mengehadkan tempoh ketua pertubuhan belia selama empat (4) tahun sahaja.
9. Bagi memudahcara proses transisi MBM dan pertubuhan-pertubuhan belia di semua peringkat, KBS dan MBM akan menubuhkan satu Jawatankuasa Bersama diketuai oleh YB Adam Adli, Timbalan Menteri KBS, bagi membincangkan perincian program-program transisi, serta strategi bagi memperkasa kepimpinan dan meningkatkan keahlian pertubuhan belia dari golongan belia yang lebih muda lagi.
10. Dalam pada itu, satu kerangka pelan transisi akan disediakan secara konsultatif dengan pemegang taruh yang berkaitan pada suku pertama 2024 untuk melancarkan proses transisi ini.

11. Sekiranya terdapat pertanyaan atau memerlukan maklumat lanjut berhubung penganjuran MPBN, sila hubungi **JBSN** melalui e-mel [jbsn@kbs.gov.my](mailto:jbsn@kbs.gov.my) .

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

**23 NOVEMBER 2023**

## LAMPIRAN A

### SENARAI USUL YANG DIBAHASKAN BAGI MAJLIS PERUNDINGAN BELIA NEGARA (MPBN) BAGI SIDANG I, PENGGAL 34, SESI 2023 – 2024

| BIL | USUL  |
|-----|---|
| 1.  | Bahawa Sidang ini mengambil ketetapan agar institusi kerajaan memperkasa inisiatif pembangunan karakter belia dan pemeraksanaan negara bangsa.  |
| 2.  | Bahawa Sidang ini mengambil ketetapan agar menubuhkan jawatankuasa bagi mengkaji cadangan agar ahli-ahli pertubuhan belia dan pemimpin belia diberi peranan sebagai pembantu guru di sekolah bagi menangani masalah beban tugas pendidik. |
| 3.  | Bahawa Sidang ini mengambil ketetapan bagi memohon kerajaan mengkaji penggubalan Dasar Pekerja Belia Profesional.   |
| 4.  | Bahawa Sidang ini menggesa agar kerajaan segera mengkaji semula persempadanan pilihanraya di atas faktor peningkatan pengundi muda selepas pindaan Perlembagaan UNDI 18.  |
| 5.  | Bahawa Sidang ini mencadangkan kepada pihak Kerajaan untuk mewujudkan dan memperkasa ekosistem sokongan dalam usaha memartabatkan Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE).   |